

05 MAY 2001

Mahathir-Hak Asasi

AS HILANG KERUSI KERANA CAMPURI URUSAN NEGARA LAIN

MELAKA, 5 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Amerika Syarikat mungkin kehilangan kerusi dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) kerana campur tangan negara itu dalam urusan hak asasi manusia di negara lain.

"Itu mungkin, kita tak tahu apa sebab. Kita cuma agak-agak sahaja.

"Mungkin ada negara lain yang lebih layak untuk berada dalam panel itu," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Perhimpunan Perdana Warga Gerak Khas 2001 di Kem Sungai Udang, di sini hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada campur tangan keterlaluan Amerika Syarikat berhubung hak asasi di negara lain menjadi antara sebab negara itu tersingkir daripada suruhanjaya itu yang fungsi utamanya ialah menyiasat pencabulan hak asasi manusia di seluruh dunia.

Tiga kerusi diperuntukkan kepada negara Barat dalam Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB dan ia dimenangi oleh Perancis yang memperolehi 52 undi, Austria 41 undi dan Sweden 32 undi. Amerika Syarikat hanya mendapat 29 undi.

"Ini proses demokrasi, ada kala menang, ada kala kalah. Kalah menang kena terima," katanya.

Ketika ditanya signifikan kegagalan Amerika Syarikat menduduki majlis itu, beliau berkata susah untuk membaca pendirian negara-negara yang membuat pengundian itu.

Mengenai pemansuhan levi 10 peratus yang dikenakan terhadap keuntungan daripada dana portfolio yang dihantar pulang ke negara luar berkuatkuasa Rabu lepas, Dr Mahathir berkata langkah itu adalah pragmatik dan fleksibel.

"Kita dapati kita tak dapat pungut banyak manapun, sikit sahaja, sebaliknya proses nak kutip levi itu begitu rumit sekali," katanya.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berkata penghapusan levi itu adalah sebahagian langkah ke arah liberisasi sepenuhnya yang bermula pada Februari 1999.

Ketika ditanya mengenai keputusan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) untuk terus mengadakan piket pada 12 Mei ini, Dr Mahathir berkata kerajaan lebih suka cara rundingan untuk menyelesaikan sebarang masalah.

"Apa kita nak buat. Saya tak tahu apa nak dapat daripada piket selain daripada menimbulkan ketegangan perhubungan.

"Bagi saya tak berfaedah, tak akan cara berpiket kita akan tunduk kepada dia (MTUC). Kalau itu caranya susahlah, kita suka cara rundingan," katanya.

-- BERNAMA

NO SBS AKD